

# DEXTROMETHORPHAN SYRUP

Dextromethorphan hydrobromide (15mg/5ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Dextromethorphan
2. Bagaimana Dextromethorphan berfungsi
3. Sebelum menggunakan Dextromethorphan
4. Cara menggunakan Dextromethorphan
5. Semasa menggunakan Dextromethorphan
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Dextromethorphan
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Dextromethorphan

Ia digunakan untuk melegakan batuk tidak berkahak akibat iritasi dalam tekak atau pada bahagian bronkial (tiub yang mengalirkan udara ke dalam paru-paru), yang berlaku semasa selesema atau tersedut bahan iritasi.

## Bagaimana Dextromethorphan berfungsi

Dextromethorphan adalah ubat bukan narkotik yang bertindak secara langsung pada pusat batuk di bahagian otak untuk menghentikan batuk.

## Sebelum menggunakan

### Dextromethorphan

#### - Bila tidak boleh menggunakan

- Jangan ambil dextromethorphan jika:
- anda mempunyai alahan terhadap bahan aktif atau bahan-bahan lain dalam ubat ini.
  - anda sedang atau pernah mengambil ubat untuk depresi yang dikenali sebagai monoamine oxidase inhibitors (MAOIs)

#### - Sebelum mula mengguna

Beritahu doctor anda jika anda mengalami keadaan berikut:

- asma
- penyakit hati

#### Penggunaan pada kanak-kanak

- Tidak boleh digunakan untuk kanak-kanak kurang dari 2 tahun.
- Digunakan dengan teliti atas nasihat doktor dan ahli farmasi untuk kanak-kanak 2 hingga 6 tahun.

#### Mengandung dan menyusukan anak

Keselamatan penggunaan pada wanita mengandung atau menyusukan anak belum disahkan.

#### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Beritahu doktor anda jika anda sedang mengambil monoamine oxidase inhibitor

(MAOI) (antidepresi).

## Cara menggunakan Dextromethorphan

### - Berapa banyak harus digunakan

Dewasa: 1- 2 camca teh 3 – 4 kali sehari.  
Kanak-kanak 6 – 12 tahun: 1 camca teh 3 – 4 kali sehari.  
Kanak-kanak 2 – 5 tahun: ½ camca teh 3 – 4 kali sehari.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza daripada maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

### - Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor.

### - Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini. Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### - Jika mengambil berlebihan(terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera. Pengambilan berlebihan Dextromethorphan mungkin menyebabkan keadaan teruja.

## Semasa menggunakan Dextromethorphan

### - Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi bahawa anda sedang menggunakan Dextromethorphan.
- Beritahu doktor dengan segera jika anda jadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Dextromethorphan

dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Jangan memandu atau mengendalikan jentera yang merbahaya. Elakkan makanan dan minuman beralkohol.

## Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Dextromethorphan boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Tanda-tanda terlebih dos ialah:

Pening kepala, kejutan, kekeliruan mental dan gangguan perut usus mungkin berlaku.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (Consumers → Reporting)

## Cara penyimpanan dan pelupusan Dextromethorphan

### - Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C. Simpan di dalam bekas tertutup rapat. Lindungi daripada cahaya. Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

### - Rupa dan warna produk

Sirap warna merah berperisa ceri.

### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: dextromethorphan hydrobromide
- Bahan-bahan tidak aktif: liquid glucose, citric acid, sodium citrate, methyl paraben, propyl paraben, perisa ceri, pewarna merah raspberi, sirap dan air.

### - Nombor MAL

MAL19890367A

## Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.

1505, Lorong Perusahaan Utama 1

# **DEXTROMETHORPHAN SYRUP**

Dextromethorphan hydrobromide (15mg/5ml)

---

Taman Perindustrian Bukit Tengah  
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,  
Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP**

23/04 /2015

**Nombor siri**

BPFK(R4/1)220415/00077